

PILIHAN JAWAPAN

Kegigihan Lajis, menyokong perjuangan Datuk Bahaman. Semasa penahanan Pak Long Abas, Pak Uda Ismail dan Samad, Lajis sanggup mendayung sampan menongkah arus kerana mahu memberitahu maklumat itu kepada Datuk Bahaman

Kegigihan Pak Uda Ismail untuk menyuruh Datuk Bahaman supaya menyerah diri dari menentang Inggeris

Kegigihan penduduk Semantan menghadapi Inggeris. Walaupun mereka kekurangan senjata, namun mereka menggunakan buluh runcing untuk mengalahkan askar Inggeris. Akibatnya ramai askar Inggeris yang berjaya dibunuh dengan menggunakan senjata ini.

Kegigihan rakyat Semantan untuk bangkit menentang Inggeris kerana menceroboh Semantan dan membina rumah pasung di Lubuk Terua.

Kegigihan penduduk untuk melarikan diri dari menentang Inggeris

Berdasarkan jawapan di atas, pilih tiga jawapan yang betul untuk melengkapi soalan novel di bawah. Kemukakan tiga contoh peristiwa yang berkaitan dengan tema kegigihan.

Terdapat beberapa contoh peristiwa yang berkaitan dengan tema kegigihan dalam novel Darah Titik Semantan. Antaranya ialah

_____. Selain itu, _____

..... Contoh Kegigihan terakhir ialah
